

Reka cipta UMK kreativiti tinggi



Dr Noor Azizi Ismail tertarik melihat pembungkusan baharu yang diperkenalkan Jabatan Penjara.

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

KOTA BHARU: Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mempunyai barisan pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) yang mempunyai kebolehan mencipta rekaan dengan kreativiti tinggi.

Naib Canselor UMK Prof Dato' Ts. Dr Noor Azizi Ismail berkata, kepakaran dimanfaatkan bagi mencipta label produk makanan bakeri dan kuih raya kegunaan Penjara Pengkalan Chepa.

Katanya labelnya begitu cantik dan menarik menjadi salah satu faktor meningkatkan jualan.

"Sumbangan kami men-

cipta label baharu untuk memberi wajah yang lebih menarik. Alhamdulillah label yang dihasilkan penyarah Komunikasi Visual diterima Penjara Pengkalan Chepa.

"Penjara pula mempunyai rangkaian produk bakeri dan pasteri yang enak," katanya pada Pelancaran Reka Bentuk Label Pembungkusan Baharu Kuih Raya Penjara Pengkalan Chepa baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Kesihatan Kelantan, Dato' Dr Zaini Hussin, Penolong Kanan Komisioner Penjara Tuan Ahmad Kamarudin Yaacob dan Dekan FTKW, Dr Hanisa Hassan.

Dr Noor Azizi juga berkata, komitmen UMK untuk

menerajui inisiatif universiti untuk masyarakat seperti yang ditekankan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Kami juga menawarkan kepada masyarakat untuk menggunakan platform pemasaran digital kami sebagai platform perniagaan atas talian melalui Laman e-Dagang UNIK19.com," katanya.

Sementara itu Tuan Ahmad berkata, beliau yakin rekabentuk dan pembungkusan baharu itu dapat membantu mengkomersialkan lagi produk bakeri dan pastri Penjara Pengkalan Chepa.

Katanya juga hasil pendapatan produk makanan bagi 2019 berjumlah RM676,461.

Pelbagai pihak bantu penduduk terjejas

JENGA: Pelbagai pihak tampil membantu penduduk yang terjejas di Jengka 17 ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sekarang.

Antaranya Bank Rakyat baru-baru ini menyumbang sebanyak 50 bungkus makanan kepada 50 keluarga yang terjejas. Sumbangan diterima Imam masjid Jengka 17 Ustaz Zainuri Yahya.

Selain itu sumbangan daripada kerajaan pusat, kerajaan negeri, pemimpin politik, NGO, agensi kerajaan, jawatankuasa masjid, bank dan orang

perseorangan.

Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) turut mengagih sumbangan melalui Pusat Khidmat Adun Jengka bagi membantu 40 penduduk yang terjejas.

Manakala penduduk Jengka 17 yang terjejas sepanjang PKP sekarang boleh menghubungi Tok Empat atau wakil Adun Jengka Ustaz Zainuri di talian 013-989 1117 dan di Jengka 21 boleh hubungi 019-965 2780 (Zul).

Penduduk Jengka menerima sumbangan daripada pelbagai pihak.



Pekerja asing dibantu wakil rakyat

JENGA: Pusat Khidmat Masyarakat Dun Jengka menerima sumbangan 600 bungkus barang basah untuk diagihkan kepada penduduk Jengka 17 yang terkesa ekoran Perintah Kawalan Keselamatan Lokaliti (PKKL).

Barangan berkenaan disumbangkan Pasaraya Econsave Jerantut dan Econsave Jengka.

Adun Jengka Ustaz Shahril Azman Abdul Halim merakam ucapan terima kasih kepada Econsave yang membantu penduduk Jengka 17 kali kedua sepanjang PKKL dilaksanakan di kawasan berkenaan.

"Semoga dengan sumban-



Petugas Pusat Khidmat Adun Jengka menyampaikan sumbangan kepada warga asing yang bekerja di kilang kayu.

gan itu membolehkan penduduk Jengka 17 dapat menyambut Ramadan dengan penuh kesabaran," katanya selepas menerima sumbangan itu baru-baru ini.

Econsave Jengka dan Jerantut diwakili pengurusnya. Hadir sama Imam Masjid Felda Jengka 17 Ustaz Zainuri Yahya dan Tok Empat Yusuf Arshad.

Manakala dalam perkembangan berkaitan Pusat Khidmat Masyarakat Dun Jengka bersama Team Cakne Rakyat menyampaikan sumbangan barang dapur kepada 15 keluarga warga asing yang bekerja di kilang kayu.

Sumbangan itu disampaikan Lajnah Kebajikan PAS Kuala Krau. Pusat Khidmat Dun Jengka dan PAS Cawangan Bandar Jengka pula menyampaikan sumbangan barangan kepada anggota Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan KRT Nadi Kota.



Ustaz Shahril Azman menerima sumbangan daripada Pasaraya Econsave.

Yayasan Kebajikan bantu penduduk di pedalaman



Penduduk di pedalaman Sarawak menerima sumbangan Yayasan Kebajikan Negara.

PAKAN: Penduduk di kawasan pedalaman Wak Pakan yang tidak dapat ke bandar bagi membeli barang keperluan harian dibantu Yayasan Kebajikan Negara.

Baru-baru ini seramai 62 ketua keluarga menerima bantuan tersebut.

Penerima terbabit terdiri daripada penduduk yang mendapat bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bantuan tersebut diharapkan dapat meringankan penduduk susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

yang memasuki fasa keempat.

Manakala di Betong sumbangan penutup hidung dan mulut diagihkan kepada penduduk di Dun Layar sejak 24 April lepas.

Sehingga sekarang sumbangan daripada kerajaan Sarawak yang diagihkan melibatkan penduduk di 41 rumah panjang, enam kampung Melayu dan masyarakat Cina di Pekan Betong.

Adun Layar Gerald Rentap Jabu turut menyumbang cecair pembasmi kuman untuk operasi nyah kuman di peringkat komuniti setempat.

"Kerja-kerja pengagihan diteruskan kepada semua ketua keluarga untuk membendung pandemik Covid-19," katanya di sini.

Sumbangan penutup mulut dan hidung secara percuma turut diagih di kawasan Dun Bukit Begunan, di mana seramai 4,529 ketua isi rumah menerima peralatan itu sumbangan kerajaan Sarawak.

Penutup mulut dan hidung itu diserahkan melalui Pusat Khidmat Dun Bukit Begunan untuk diagih kepada ketua isi rumah.